



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 15 JANUARI 2025 (RABU)

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• BULK WASTE COLLECTION

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPAJ	• TRAFFIC MATTERS • MONITORING SLOPES TO PREVENT LANDSLIDES

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• SINDIKET RASUAH, PENGUBAHAN WANG HARAM TUMPAS
2.	KOSMO	• 169,691 PENAGIH DIKESAN PADA 2024
3.	HARIAN METRO	• TAK MAKAN TAWARAN RASUAH RM50,000
4.	BERITA HARIAN	• RUU HUKUMAN BUANG SAMPAH DIBENTANG MAC • KEBERANIAN MORAL PENJAWAT AWAM TUNJANG KEJAYAAN PERANGI RASUAH • SINDIKET PENGUBAHAN WANG HARAM, RASUAH TUMPAS
5.	UTUSAN MALAYSIA	• SPRM KOMITED PERKASA KESIAPSIAGAAN PEGAWAI • PEGAWAI POLIS TOLAK RASUAH RM50,000 DEMI JAGA INTEGRITI • RUMAH SELANGORKU MORIB 'SAKIT', PEMAJU DITUKAR? • PROJEK SAKIT BERNILAI RM92.48 BILION DIPULIH • BNM DIJANGKA KEKALKAN OPR PADA 3.0 PERATUS
6.	NEW STRAITS TIMES	• KING VISITS FLOOD VICTIMS • MALAYSIA'S ECONOMY MAY GROW 5.7pc THIS YEAR, SAYS NOMURA • RINGGIT TO HIT 4.40 VERSUS US DOLLAR THIS YEAR
7.	THE SUN	• IMPORTANT FOR CHILDREN TO LEARN HOW TO SWIM • URINE TESTS AT CONCERT VENUES DEEMED IMPRACTICAL • DOUBLE THREAT FROM UNASSUMING MOULD GROWTH

THE
STAR
15/1

BULK WASTE COLLECTION

Subang Jaya City Council (MBSJ) is accepting applications for bulk waste collection in conjunction with Chinese New Year until Jan 21. The waste collection period is from Jan 20 to 28. To apply, call 03-8081 4437 or WhatsApp 011-3538 4437.

TRAFFIC MATTERS

> Intermittent road closures, traffic diversions on Persiaran Kerjaya, Shah Alam, to facilitate works until Dec 31 from Mondays to Saturdays between 10pm and 5am.

> A 100m-stretch of Jalan Pandan Utama, near Jalan Pandan Mewah intersection in Ampang Jaya is closed until Feb 1 to facilitate construction of two bridges. A lane-share system is being implemented during this period. Alternative routes include Jalan Pandan Muhibbah, Jalan Bunga Mawar 4 and Jalan Pandan Mewah. For details, call 03-4285 7300 (MPAJ Engineering Department) or the contractor at 011-1563 4180.

> Jalan Persiaran Akuatik in Section 12, Shah Alam is closed until Feb 14 to facilitate public sewerage system repair works.

THE STAR

15 JAN 2025

Tarikh:.....



Hill slope development in places like Taman Melawati in Hulu Kelang is cause for concern among nearby residents. — AZMAN GHANI/The Star

By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

TAMAN Melawati residents in Hulu Kelang have formed a volunteer group to monitor and identify early signs of slope failure.

The Taman Melawati SlopeWatch Volunteer Group was set up by Taman Melawati Residents Association (TMRA) in Selangor after a major landslide in the neighbourhood about three months ago.

The proactive step is the community's way of working together to prevent future mishaps instead of waiting for alerts from the authorities.

The Oct 15 landslide at Jalan Serdang occurred after a section of a slope measuring 20m x 20m collapsed from a 30m height.

This resulted in the evacuation of residents from 20 terrace houses along Jalan E6.

Fortunately, they were allowed to return home two days later.

Based on early investigations, Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi had said that a blocked drainage system at the top of the slope on Jalan G2 was the main cause.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) later said the slope was privately owned by a developer.

Identifying the signs

TMRA chairman Azhari Abd Taharim said there was a need to address slope safety concerns in the neighbourhood.

"I went to the site to assess the situation (after the landslide), and realised that we need a better monitoring system in place, instead of relying on the authorities," he said.

Three days after the landslide, Azhari reached out to SlopeWatch programme director Eriko Motoyama to discuss potential strategies for improving hillside monitoring within the community.

SlopeWatch, a community-driven organisation formed in 2009, works with stakeholders to raise awareness of landslide and

Monitoring slopes to prevent landslides

Taman Melawati residents form volunteer group to keep close eye on hillsides to ensure safety



Motoyama (right) briefing Taman Melawati residents at the Landslides and Slope Safety Workshop.

slope safety.

"Eriko and I discussed some of the main issues in Taman Melawati.

"We then decided to hold our first workshop with interested residents and the response has been very positive," said Azhari.

Some 60 residents showed up at the Landslides and Slope Safety Workshop hosted by TMRA and SlopeWatch which was held at SMK Taman Melawati in November last year.

During the workshop, participants learnt about triggers that contribute to landslides, topography of the area and most importantly – signs of potential

slope failure (see graphic).

"Because you are familiar with your surroundings, you are the best observer of any changes in the slopes around your homes," Motoyama told participants during the workshop.

Every slope has a tipping point, she said.

While new hillside developments were often seen as a primary concern, she pointed out that natural slopes were equally prone to landslides due to factors such as weather.

She highlighted the need for vigilance at new hill slope projects and older neighbourhoods.

"Slopes in older 'taman' too

need attention, not just the newly developed housing areas," she said.

Motoyama, who emphasised the importance of community involvement, said, "Residents are often the first to notice changes in their surroundings.

"Indicators such as cracks in retaining walls, fallen trees or ground movement usually precede an incident.

"Equipping communities with the knowledge to identify these signs can greatly assist in disaster risk reduction."

Motoyama also drew attention to the vulnerability of older hill slopes, particularly those devel-

STARMETRO, WEDNESDAY 15 JANUARY 2025



Ooi: A clear plan is needed on how information gathered by residents is relayed to the relevant authorities.



Azhari: It is time the community adopted a more proactive approach to slope safety.

oped 30 to 40 years ago, such as in Taman Melawati.

"Regular checks and maintenance are crucial in these areas."

"Property owners shoulder the responsibility to inspect their surroundings frequently," she said, stressing that addressing these issues early could prevent significant damage.

Increasing vigilance

One of the key outcomes of the workshop was the setting up of a slope watch committee in each of the 10 zones within Taman Melawati.

"The committee has 20 members," said Azhari.

"In December, we had a site visit to some of the areas and slopes that we will be monitoring."

"Each zone committee will gather information from their respective members, which we will then collate and escalate to the authorities if needed."

"We will also be carrying out hazard mapping exercises to identify potential signs and risks which can contribute to slope failure."

According to Azhari, the community mapping exercise is to familiarise themselves with and understand natural as well as man-made surroundings to reduce the chances of slope failure.

Next month, the group plans to visit the first-ever Community Disaster Risk Reduction (DRR) Resource Centre in Malaysia.

Located in Bukit Antarabangsa, Ampang, the centre serves as a communal hub for residents to learn about their physical environment as well as equip themselves with knowledge to mitigate disaster risks.

Azhari said it was time for the community to adopt a more proactive approach to slope safety.


"We want to stay ahead of potential problems, especially as there will no doubt be future development projects in the area," he said.

Taman Melawati resident Ooi



File photo of residents looking at the site of the landslide-hit area at Jalan E6 in Taman Melawati.

Tell-tale signs of an impending landslide



Source: Guidelines on Slope Maintenance by MPAJ, Public Works Department and Bukit Antarabangsa residents associations

Hoow Kiong said the workshop was an important starting point for the community.

The retired geotechnical engineer, who has lived in Taman Melawati since 1998, said some might not be aware about slope safety.

"This is something that needs to change. The workshop is just the beginning."

"I hope that we can make further progress so residents can actively monitor their surroundings and report potential issues."

He said residents who regularly cycle or walk around the area were valuable sources of information, given their familiarity with the local terrain.

Looking ahead, Ooi stressed the need for a clear plan on how information gathered by residents could be relayed to relevant authorities.

"The next steps should focus on establishing a system that ensures the information reaches the right people and is acted upon promptly," he said.

Drawing on his professional experience, Ooi highlighted the critical role of drainage maintenance



Residents jotting down past incidents of landslides in Taman Melawati during the workshop.

nance in preventing slope failures.

"Blocked drainage may seem like a minor issue, but it is one of the causes that exacerbate slope instability."

"Over time, water from blocked drains seep into the soil, weakening it and making it heavier, increasing the risk of landslides."

"This is something that can be prevented at an early stage," Ooi elaborated, noting that preventive maintenance was typically more cost-effective than addressing problems after they worsen.

He also called on the authorities to play their part by responding swiftly to reports from residents.

"Authorities must be quick to take action when there is a report."

"Delays can make small problems much worse," he said.

Growing awareness

Increasing awareness of hill slope risks across the country has motivated residents to take proactive measures, said Motoyama.

"People are now more mindful of the long-term effects of development on their surroundings, especially once developers are no longer involved," she told *StarMetro*.

SlopeWatch, she said, has noticed an increase in resident-initiated monitoring groups over the last few years.

"We have been asked to help with the setting up of such groups and share the knowledge and information that we have gathered over the years."

The NGO SlopeWatch, set up in 2009, not only deals with landslide concerns but other disasters like floods.

"We also work with local authorities and agencies on the best way to disseminate vital information for disaster risk reduction," Motoyama added.

MPAJ had said that it regularly monitored slopes to prevent landslides and ensure residents' safety.

MPAJ president Dr Ani Ahmad said proactive measures included issuing reminders to developers on ensuring safety protocols at construction sites.

She had said the lack of drainage maintenance was identified as the cause of the October disaster, for which repair works were completed in November.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari also revealed that the site was one of 114 red-zone areas at risk of landslides in the Ampang Jaya municipality.

StarMetro previously reported Amirudin attributing the cause of the landslide to possible lapses in infrastructure maintenance, and saying that over-development was not the reason.

He had stated that the last planning approval for the area, primarily for bungalow lots, was issued in 2014.

He added that a full report on the landslide would be presented to the Selangor Economic Action Council (MTES) after review, though details were not disclosed.

SPRM gempur 24 lokasi termasuk rumah, pejabat di sekitar Lembah Klang

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menumpaskan sindiket kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan bersama pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Sinar Harian difahamkan, pembongkaran kegiatan sindiket itu dilakukan di 24 buah lokasi termasuk rumah dan pejabat di sekitar Lembah Klang pada Isnin.

Menerusi serbuan itu, pasukan operasi SPRM turut melakukan tangkapan terhadap 12 individu disyaki terlibat dengan sindiket tersebut.

Kesemua 12 individu tersebut termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang peng-

urus dan seorang bekas pengurus jualan institusi perbankan telah ditahan reman pada pagi Selasa.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kesemua suspek ditahan dalam Op Sky dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau berkata, penahanan tersebut dilakukan di beberapa buah institusi kewangan tempatan di sekitar Lembah Klang pada Isnin.

Menurut beliau, berdasarkan siasatan awal, dipercayai terdapat pegawai di beberapa institusi perbankan telah menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan.

Jelasnya, ia sebagai balasan membantu memproses dan meluluskan pinjaman peribadi pe-

langgan yang telah dikenalpasti mempunyai hutang lapuk.

"Susulan itu, pegawai bank akan memperkenalkan pelanggan kepada syarikat perunding kewangan yang akan menawarkan bantuan skim *multiple loan*," katanya pada Selasa.



Tambahnya, dalam operasi itu, SPRM turut membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta.

Selain itu menurutnya, SPRM turut menyita sembilan unit kenderaan mewah; wang tunai lebih RM300,000; 17 utas jam ta-

ngan mewah dianggarkan berjumlah lebih RM111.1 juta.

"Selain itu, SPRM turut menyita lima unit beg tangan berjenama dianggarkan bernilai lebih RM430,000, lima set barang emas dianggarkan berjumlah lebih RM50,000," ujarnya.

Seramai 12 individu ditahan SPRM dan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa kerana dipercayai terlibat dalam sindiket rasuah serta pengubahan wang haram.

Sindiket rasuah, pengubahan wang haram tumpas

SINAR HARIAN
15 JAN 2025

Tarikh:

169,691 penagih dikesan pada 2024

- Dadah sintetik penyumbang utama
- Belia 19 hingga 39 tahun paling ramai

Oleh HARRITH HISHAM

KAJANG - Seramai 169,691 penagih dadah direkodkan dalam tempoh Januari hingga September 2024, sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 31.6 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2023.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Ruslin Jusoh berkata, jumlah itu diperoleh berdasarkan laporan statistik daripada pihaknya bersama agensi lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Pusat Pemulihan Persendirian (PPP).

Katanya, kadar peningkatan itu sebahagian besar disumbangkan oleh dadah jenis sintetik memandangkan bahan terlarang tersebut lebih mudah didapati.

Ruslin berkata, belia berusia 19 hingga 39 tahun paling tinggi dikesan terlibat dalam penyalahgunaan dadah iaitu seramai 98,977 atau 58.3 peratus.

"Dadah yang paling banyak disalahgunakan adalah amphetamine type stimulant (ATS) seperti syabu, pil kuda dan ekstasi iaitu melibatkan 119,410 orang bersamaan 70 peratus.

"Ia diikuti oleh dadah jenis opiat membabitkan seramai 38,854 orang, manakala ganja (6,750 orang) dan selebihnya dadah jenis lain," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat



GOLONGAN belia berusia 19 hingga 39 tahun merekodkan jumlah tertinggi terlibat dalam penagihan dadah.



RUSLIN

“

Tahun lalu, kita telah capai sebanyak 79 peratus kadar kepulihan klien berbanding sasaran ditetapkan iaitu 77 peratus. Seramai 17,652 orang klien memenuhi kriteria kekal pulih daripada 22,224 orang klien yang telah tamat rawatan.”

RUSLIN JUSOH

Ketua Pengarah AADK dan Perhimpunan Bulanan AADK 2025 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ruslin berkata, sehingga 10 Januari tahun ini, seramai 58,875 orang sedang dirawat di 108 buah AADK Daerah dan 30 Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN).

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 1,502 orang klien sukarela dan 57,373 orang klien pula berstatus mandatori.

"Bagi tahun lalu, kita telah capai sebanyak 79 peratus kadar kepulihan klien berbanding sasaran ditetapkan iaitu 77 peratus.

"Seramai 17,652 orang klien

memenuhi kriteria kekal pulih daripada 22,224 orang klien yang telah tamat rawatan," katanya.

Justeru, Ruslin mengakui bahawa pendekatan lebih agresif dan inovatif perlu diambil bagi menangani kes penyalahgunaan dadah sintetik dalam kalangan masyarakat.

"AADK sedang merangka Pelan Komunikasi Antidadah bagi menyebar luas mesej antidadah yang tepat dan terkini.

"AADK juga akan memperkukuh kerjasama dengan agensi lain untuk memahami masalah dan mencari penyelesaian yang berkesan," katanya.

KOSMO

Tarikh: **15 JAN 2025**

Tak makan tawaran rasuah RM50,000

Kuala Lumpur: "Ketika itu, saya dan anggota lain sedang terbabit dalam operasi sebelum didatangi seorang individu yang menawarkan RM50,000."

"Saya beri amaran kepadanya, namun dia tetap menawarkan rasuah sebelum saya menahannya," kata Inspektor Mohd Tarmizi Said.

Mohd Tarmizi, 40, antara 200 anggota dan pegawai menerima sijil penghargaan serta anugerah kerana tindakan berani selain nilai budi pekerti tinggi daripada Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (Pulapol), semalam.

Menurut Mohd Tarmizi, pada kejadian 2023 itu, dia bertugas di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Selangor dan sedang menjalankan operasi membanteras sindiket penyeludupan minyak.

"Saya hanya menjalankan tugas ketika itu apabila ditawarkan RM50,000, namun terus menolaknya," katanya lagi.

Koperal Christopher La-



KETUA Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota polis ketika majlis Apresiasi Ketua Polis Negara Bersama Pegawai Polis Bersifat Mulia dan Budiman di Dewan Tran Sri Abd Rahman Hashim, Pulapol Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

wai Johnny, 30, patah tangan ketika menjalankan rondaan semasa pilihan raya kecil Kluang tahun lalu, antara anggota yang turut menerima anugerah.

"Saya berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam di Johor dan dihantar ke Kluang untuk membantu operasi bagi pi-

lian raya kecil di sana.

"Saya sedang menjalankan rondaan dengan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) apabila dilanggar sebuah kenderaan," katanya patah tangan kanan dan mengalami kecederaan saraf akibat kemalangan itu.

Christopher berkata, dia berterima kasih di atas pe-

nganugerahan itu dan akan terus memberikan khidmat terbaik untuk pasukan sebaik pulih sepenuhnya.

Razarudin berkata, ada dalam kalangan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan tindakan atau perbuatan luar biasa, bersifat mulia dan budiman menyantuni masyarakat.

HARIAN METRO
Tarikh: ... 15 JAN 2025 ...

RUU hukuman buang sampah dibentang Mac BH 15/1

Teluk Intan: Pindaan undang-undang yang membolehkan pesalah yang membuang sampah sembarangan dan secara haram melakukan kerja khidmat masyarakat akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada sesi pertama Mac ini.

Antara akta yang terbabit dengan pindaan bagi membolehkan hukuman itu ialah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pindaan itu antara lain akan membenarkan mahkamah mengarahkan pesalah melakukan kerja khidmat masyarakat dalam tempoh tertentu seperti menyapu sampah jalanan, cuci longkang dan membersihkan tandas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, berkata mahkamah juga akan menentukan jumlah hari yang pesalah terbabit diperintah menjalankan khidmat masyarakat.

"Peruntukan hukuman yang dicadangkan sekurang-kurangnya dia (pesalah) kena sapu jalan selama dua jam. Mereka akan memakai baju khas untuk bantu



Kor Ming ketika menyempurnakan pelancaran jentera pembersihan kepada MPTI di Teluk Intan, kelmarin.

(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

pekerja pembersihan cuci longkang, bersih tandas, dan sapu jalan yang mana dengan itu baru dia boleh rasakan betapa susah pekerja pembersihan kita.

"Namun, terserah kepada mahkamah untuk menetapkan tempoh bilangan hari dia (pesalah) kena lakukan hukuman khidmat masyarakat itu, jika empat hari

maka empat harilah. Cuma, akan diperuntukkan undang-undang bagi membenarkan mahkamah menjatuhkan hukuman," katanya.

Hukuman sedarkan pesalah

Beliau berkata, pengenalan hukuman khidmat masyarakat diyakini dapat menyedarkan pesa-

lah berbanding sekadar hukuman berbentuk bayaran kompaun atau denda.

Katanya, pelaksanaan hukuman hanya bersifat pembayaran wang denda dalam kadar tertentu dianggap tidak mampu mendedahkan keinsafan khususnya kepada golongan berkemampuan.

"Kita naikan kompaun, tiada

guna. Kompaun RM300 atau RM500 orang boleh bayar, tetapi bila kita minta dia sapu jalan selama lima jam satu kali bersama pekerja pembersihan sedia ada, biar dia (pesalah) tahulah dan dia tak akan buang sampah lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyempurnakan pelancaran jentera pembersihan kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) di bangunan pejabat MPTI, di sini kelmarin.

Yang hadir sama, Yang Dipertua MPTI, Zairul Akmal Kasim dan Pegawai Daerah Hilir Perak, Mufidah Mahfodz.

Pada 30 November lalu, Kor Ming dilaporkan berkata kementerian sudah mengemukakan memorandum berhubung perkara itu untuk pindaan itu dibentangkan di Dewan Rakyat.

Sementara itu, Kor Ming berkata, dalam tempoh 24 bulan lalu iaitu sepanjang 2023 dan 2024, KPKT sudah memperuntukkan RM14.48 juta kepada MPTI bagi pelaksanaan 75 projek termasuk projek berimpak tinggi antaranya naik taraf hampir semua medan selera utama di Teluk Intan dan pemasangan lampu LED.

BERITA HARIAN
15 JAN 2025
Tarikh.....

Keberanian moral penjawat awam tunjang kejayaan perang rasuah

● Penjawat awam sering berdepan dengan dilema moral apabila tindakan melaporkan rasuah berpotensi membawa akibat buruk seperti kehilangan pekerjaan, pengasingan sosial atau ancaman terhadap keselamatan

● Sikap tidak peduli terhadap salah laku, kebencian terhadap mereka yang cuba menegakkan kebenaran dan wujudnya jurang komunikasi antara gred jawatan menghalang usaha membudayakan integriti

Oleh Jais Abd Karim
bhrencana@bh.com.my



Presiden Pernerhati
Rasuah Malaysia
(MCW)

Rasuah adalah barah yang boleh menjejaskan pembangunan negara, keadilan sosial dan keyakinan masyarakat terhadap sistem pentadbiran.

Di Malaysia, usaha membanteras rasuah tidak hanya memerlukan undang-undang tegas tetapi juga menuntut keberanian, integriti dan kerjasama daripada semua pihak, khususnya penjawat awam.

Walaupun pelbagai inisiatif memerangi rasuah diperkenalkan, statistik menunjukkan hanya 0.01 peratus penjawat awam berani melaporkan rasuah, mencerminkan betapa seriusnya cabaran dihadapi dalam membudayakan integriti dan amanah.

Ini disebabkan wujudnya budaya 'takut, peka dan bisu' menghantui perkhidmatan awam. Sikap takut melaporkan salah laku disebabkan tekanan sosial, ugutan dan ketidakpercayaan terhadap sistem perlindungan pelapor menjadi punca utama ramai memilih mendiadakan diri.

Penjawat awam sering berdepan dengan dilema moral apabila tindakan melaporkan rasuah berpotensi membawa akibat buruk seperti kehilangan pekerjaan, pengasingan sosial atau ancaman terhadap keselamatan diri serta keluarga.

Di samping itu, persepsi melaporkan rasuah tidak membawa manfaat peribadi tetapi hanya menimbulkan masalah seperti terpaksa menjadi saksi di mahkamah atau menghadapi tuduhan subahat turut menghalang keberanian mereka.

Kadaan ini diburukkan lagi dengan kepercayaan aduan mereka mungkin tidak diambil serius pihak berkuasa kerana hubungan erat antara pesalah dengan pengurusan atasan.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai peranan penting memerangi rasuah, tetapi terdapat kekurangan ketara dalam pendekatan mereka terhadap pengumpulan maklumat awal dan perlindungan pelapor.

Pada masa ini, SPRM lebih bergantung kepada aduan langsung daripada individu atau organisasi berbanding menjalankan operasi sulit melalui ejen rahsia yang tidak dikenali.

Ejen rahsia dilatih dengan baik boleh memainkan peranan besar mendapatkan maklumat awal

tanpa mendedahkan identiti mereka. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan risiko kepada pelapor tetapi membolehkan SPRM mengambil tindakan pantas sebelum sesuatu kes menjadi lebih serius.

Selain itu, undang-undang seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu diperluas dan dikuatkuasakan dengan lebih efektif bagi melindungi pelapor daripada sebarang bentuk pembalasan.

Berhubung masalah ini, masalah nepotisme, kronisme dan keberagantungan kepada budaya 'bodek' dalam kalangan penjawat awam memburukkan lagi keadaan.

Apabila sesebuah organisasi didominasi individu mempunyai hubungan kekeluargaan atau kepentingan peribadi, amalan salah laku sering kali tidak dilaporkan kerana wujudnya elemen perlindungan dalaman.

Tambahan pula, sikap tidak peduli terhadap salah laku, kebencian terhadap mereka yang cuba menegakkan kebenaran dan wujudnya jurang komunikasi antara gred jawatan dalam perkhidmatan awam menghalang usaha membudayakan integriti.

Sikap skeptikal terhadap kejujuran pegawai penguat kuasa turut menyukarkan penjawat awam untuk mempercayai aduan mereka akan ditangani secara adil.

Wujudkan persekitaranindungi pelapor

Atas faktor ini, keberanian moral amat dituntut dalam kalangan penjawat awam. Ia adalah tunjang dalam melaporkan kes rasuah.

Namun, keberanian ini hanya boleh dipupuk jika wujud persekitaran menyokong dan melindungi pelapor. Dalam konteks ini, 'niat' memainkan peranan penting.

Seseorang mempunyai niat murni untuk menegakkan keadilan perlu dididik supaya tidak terpengaruh persekitaran negatif.

Undang-undang bertindak sebagai pagar untuk membendung salah laku tetapi mendidik manusia supaya menjadi individu bermoral tinggi memerlukan usaha berterusan.

Pendidikan, latihan dan penghayatan nilai murni harus menjadi sebahagian daripada pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam.

Menangani pelbagai kebimbangan dan kekusaran penjawat awam melaporkan elemen rasuah dalam perkhidmatan, perlu ada langkah penyelesaian dan langkah berkesan wajar difikirkan. Antaranya ialah:

● **Meningkatkan perlindungan pelapor**
SPRM dan kerajaan perlu menambah baik mekanisme perlindungan pelapor dengan memastikan identiti mereka dirahsiakan sepenuhnya. Prosedur jelas dan telus harus diwujudkan untuk memudahkan pelapor melaporkan kes tanpa rasa takut.

● **Membangunkan rangkaian ejen rahsia**
SPRM perlu memperluaskan penggunaan ejen rahsia dilatih khas untuk mendapatkan maklumat awal secara sulit. Pendekatan ini akan mengurangkan keberagantungan kepada aduan terbuka dan mempercepatkan tindakan terhadap kes rasuah.

● **Melantik pegawai berintegriti dalam jawatan strategik**
Pegawai memegang jawatan penting seperti JUSA C dalam pelantikan staf perlu melalui saringan ketat dan pemantauan berkala. Peranan mereka yang strategik dalam menentukan perantikan staf harus dilaksanakan dengan penuh amanah dan keadilan.

● **Pendidikan dan latihan integriti**
Program pendidikan dan latihan mengenai integriti perlu dijadikan agenda utama dalam perkhidmatan awam. Ini termasuk latihan berasaskan simulasi untuk meningkatkan keberanian moral dan kesedaran risiko rasuah.

● **Menggalakkan budaya amanah dan ketelusan**
Organisasi perlu memupuk budaya amanah dan ketelusan di semua peringkat. Ini boleh dilakukan melalui audit berkala, pengiktirafan kepada individu berintegriti tinggi dan penyebaran maklumat kejayaan usaha memerangi rasuah.

● **Melibatkan masyarakat**
Kempen kesedaran melibatkan masyarakat boleh membantu memecahkan stigma negatif terhadap pelapor. Apabila masyarakat memahami pentingnya melaporkan rasuah, sokongan kepada pelapor akan meningkat.

Kesimpulannya, rasuah adalah cabaran kompleks memerlukan pendekatan pelbagai aspek untuk ditangani secara efektif.

Di tengah-tengah semua usaha ini, keberanian moral dan integriti menjadi kunci utama. Melalui pendidikan, latihan dan sokongan berterusan, budaya rasuah dapat dihapuskan sedikit demi sedikit.

Kejayaan memerangi rasuah tidak hanya bergantung kepada tindakan pihak berkuasa, tetapi memerlukan sokongan semua lapisan masyarakat, khususnya penjawat awam.

Dengan memperkasakan perlindungan pelapor, membangunkan rangkaian ejen rahsia dan memupuk nilai murni, Malaysia dapat melangkah ke arah sebuah negara yang bebas daripada rasuah.



Sindiket pengubahan wang haram, rasuah tumpas

12 suspek ditahan
babit syarikat
perunding
keuangan
dengan
pegawai bank

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdula-
ziz@bh.com.my



12 individu direman lima hari kerana dipercayai terbabit rasuah dan kegiatan pengubahan wang haram.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menumpaskan sindiket kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Seramai 12 individu ditahan dalam Ops Sky, hasil serbuan di 24 tempat termasuk rumah dan pejabat di sekitar Lembah Klang kelmarin.

Semalam 12 individu itu termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang pengurus jualan institusi perbankan direman hingga Sabtu ini atas kesalahan terbabit rasuah dan kegiatan pengubahan wang haram yang membabitkan permohonan pinjaman peribadi daripada beberapa bank.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata semua suspek ditahan oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan beberapa insti-

tusi kewangan tempatan.

Kenal pasti pelanggan

Katanya, berdasarkan siasatan awal yang dijalankan, terdapat pegawai di beberapa institusi perbankan menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan membantu meluluskan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenali pasti mempunyai hutang lapuk.

"Pegawai bank yang sudah mengenali pasti pelanggan yang terdiri daripada penjawat awam yang mempunyai hutang lapuk. Seterusnya mereka akan diperkenalkan kepada syarikat perunding kewangan yang akan menawarkan bantuan skim 'multiple loan'.

"Syarikat perunding kewangan ini dipercayai akan mem-

bantu menyediakan dokumen yang mengandungi maklumat palsu yang akan dihantar ke beberapa institusi kewangan untuk mendapatkan pinjaman.

"Hasil siasatan menunjukkan syarikat perunding akan mendahulukan wang kepada peminjam untuk melangsaikan hutang itu dan selepas pinjaman diluluskan, peminjam akan membayar balik pendahuluan itu, manakala baki pinjaman dilaburkan dalam skim pelaburan," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Dalam Ops Sky Azam berkata, SPRM membekukan 70 akaun syarikat dan individu membabitkan nilai lebih RM16.2 juta.

Katanya, SPRM turut menyita sembilan unit kenderaan pelbagai jenama terdiri daripada Ferrari F8 Spider, Lexus RC300,

Mercedes-Benz GLC43, BMW Toyota Alphard, Mazda dan Honda.

Sejak Mei lalu, BH menyiarkan beberapa pendedahan mengenai kepinganan dalam sistem kewangan negara yang mengakibatkan jenayah kewangan berleluasa, antaranya pendedahan mengenai BNM mengesan sekurang-kurangnya dua kesalahan utama yang sering dilakukan oleh institusi kewangan.

Kesalahan itu berkaitan kegagalan institusi kewangan menjalankan penilaian wajar terhadap pelanggan dan kegagalan menjalankan saringan sekatan pada saat penerimaan pelanggan.

Azam Baki sebelum ini turut mendedahkan, modus operandi jenayah itu menjadi semakin hebat, selari dengan perkembangan semasa dunia.

BERITA HARIAN
Tarikh.....15 JAN 2025.....



**HISHAM
MOHD. YUSOFF**

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus komited dalam memperkukuh kesiapsiagaannya untuk berdepan dengan pelbagai cabaran, seiring dengan aspirasi kerajaan dalam era pendigitalan dan penggunaan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dalam ucapan pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 yang diadakan baru-baru ini, menegaskan bahawa langkah ini bertujuan memastikan SPRM mampu menangani isu-isu rasuah dengan lebih berkesan serta memberi impak tinggi kepada masyarakat.

Menurutnya, dalam dunia yang semakin mencabar ini, SPRM perlu sentiasa bergerak seiring dengan perkembangan pantas teknologi dan perubahan persekitaran sosial untuk memastikan keberkesanan dalam setiap tindakannya.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan operasi, pegawai SPRM digalakkan bertindak secara proaktif dan tindakan ini bukan hanya tertumpu kepada siasatan kes rasuah semata-mata tetapi turut melibatkan aktiviti pencegahan yang lebih meluas.

Aktiviti pencegahan merangkumi dua elemen penting iaitu pengurusan tatakelola yang baik dan program-program pendidikan antirasuah kepada kumpulan sasaran merangkumi pelbagai bidang.

Menerusi pendekatan ini, diharapkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya rasuah akan terus meningkat dan menjadi benteng utama dalam membanteras amalan tidak beretika.

TINGKAT KEMAHIRAN

Melalui pembabitkan masyarakat secara aktif dalam program-program pendidikan antirasuah, SPRM juga dapat mengukuhkan usahanya dalam membentuk sebuah masyarakat yang lebih telus dan berintegriti tinggi.

Justeru, salah satu aspek utama yang diberi perhatian ialah peningkatan kemahiran dan pengetahuan pegawai SPRM. Latihan berkala dalam pelbagai bidang akan terus dijalankan bagi memastikan para pegawai sentiasa bersedia menghadapi sebarang situasi.

Tambahan pula, latihan

SPRM komited perkara kesiapsiagaannya pegawai



